

ABSTRAK

SATU ANALISIS PENGGUNAAN JENIS WACANA DALAM BUKU NOVEL *DI HADAPAN PULAU*

Kajian ini dibuat untuk melihat analisis penggunaan jenis wacana yang terdapat dalam buku novel *Di Hadapan Pulau*. Buku ini hasil karya Sasterawan Negara A. Samad Said. Novel *Di Hadapan Pulau* dijadikan teks komponen sastera dalam bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah.

Metodologi kajian dibuat melalui kaedah perpustakaan. Analisis penggunaan jenis wacana melibatkan 12 bab yang terdapat dalam buku tersebut. Selain daripada itu, aspek keutuhan wacana juga disentuh daripada sudut semantik, leksikal dan gramatikal/tatabahasa.

Setelah kajian dibuat, maka didapati penggunaan jenis wacana terdapat dalam setiap bab. Sungguhpun begitu jenis wacana yang kerap dan banyak digunakan ialah wacana langsung, wacana pembeberan dan wacana tidak langsung.

Kepelbagaiannya penggunaan jenis wacana dan kewujudan keutuhan wacana di dalam sesebuah buku novel memang menjadi pilihan seseorang penulis sebagai satu wadah dalam penghasilan sesebuah karya. Kepelbagaiannya ini memang penting dan boleh mendatangkan minat kepada setiap pembaca yang membaca sesebuah teks.

ABSTRACT

ANALYSIS OF THE TYPES OF THE NOVEL *DI HADAPAN PULAU*

The purpose of this study is to analyze the types of discourse used in the novel written by A. Samad said, *Di Hadapan Pulau*. This novel is one of the texts used in the secondary school as part of the Malay Literature Component in Form Four.

The research was carried out based on the library research method. The analysis of the types of discourse used was done based on the 12 chapters in the novel. The meaningfulness of discourse is seen from the aspects of semantics, lexical choice and grammar.

From the results gathered in this study, it is evident that there is a variety of the types of discourse used in every chapter. Yet, the most frequently used types of discourse are direct discourse, unlimited discourse and indirect discourse.

The variety of discourse and the meaningfulness of the discourse are among the important things writers look for when writing. The variety of discourse used is important to attract readers to a piece of writing.